

MATAPELAJARAN PRINSIP PERAKAUNAN

SET 6 –MODUL HALUS

TINGKATAN 5

MODUL 15 PERAKAUNAN UNTUK KELAB DAN PERSATUAN

SOALAN MODUL 15
BAHAGIAN A

- 1 Butir manakah merupakan pendapatan modal bagi kelab dan persatuan?
- A Untung Cenderahati
B Sewa ruang bangunan
C Faedah atas simpanan tetap
D Derma untuk membina perpustakaan
- 2 Untung yang ditunjukkan dalam Akaun Perdagangan Kelab Fotografi Uniten akan dipindahkan ke
- A Akaun yuran
B Akaun Untung Rugi
C Akaun Penerimaan dan Pembayaran
D Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan
- 3 Apakah ekuiti pemilik bagi sesebuah kelab dan persatuan?
- A Lebihan
B Modal akhir
C Dana terkumpul
D Penyata kedudukan kewangan
- 4 Antara berikut, yang manakah catatan bergu untuk yuran diterima daripada ahli?
- | | Debit | Kredit |
|---|-----------------------------|-----------------------------|
| A | Pendapatan dan perbelanjaan | Bank |
| B | Bank | Yuran |
| C | Yuran | Bank |
| D | Bank | Pendapatan dan perbelanjaan |
- 5 Bagi menampung bilangan ahli kelab yang semakin bertambah, Persatuan Pengakap Perak telah mengubah suai bangunannya. Perkara ini perlu dicatatkan sebagai
- A belanja hasil
B belanja modal
C belanja operasi
D belanja bukan operasi
- 6 Apakah hasil utama bagi sesebuah kelab dan persatuan?
- A Yuran ahli
B Derma ahli
C Yuran pertandingan
D Untung perdagangan

- 7 Rumus yang berikut digunakan untuk mengira dana terkumpul akhir.

$$\text{Dana terkumpul awal} - \text{kurangan} + X$$

Apakah X?

- A Lebihan
B Belanja hasil
C Pendapatan modal
D Ambilan
- 8 Apakah definisi kelab dan persatuan dalam Akta Pertubuhan 1966
- A Pertubuhan professional
B Organisasi bukan kerajaan
C Pertubuhan sukarela
D Organisasi perniagaan
- 9 Apakah tujuan utama kelab dan persatuan ditubuhkan?
- I Menjaga kebajikan ahli
II Menjalankan perniagaan
III Menganjurkan pertandingan
IV Memberi perkhidmatan sosial
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV
- 10 Apakah tujuan sesetengah kelab membuka restoran dalam rumah kelab?
- A Mempelbagaikan kemudahan kelab
B Mewujudkan peluang pekerjaan
C Mencari keuntungan
D Menambah dana persatuan
- 11 Dimanakah catatan yuran pendaftaran jika yuran ini dianggap sebagai pendapatan modal?
- A Penyata Kedudukan Kewangan
B Akaun Untung Rugi
C Akaun Perdagangan
D Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan

12 Apakah yuran yang merupakan pendapatan hasil dalam sesebuah kelab?

- I Yuran tahunan
- II Yuran bulanan
- III Yuran belum terima
- IV Yuran belum terperoleh

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

13 Maklumat dibawah berkaitan dengan penerimaan dan pembayaran Kelab Yoga Taman Desa Aman sepanjang bulan Disember 2017.

| | |
|----------------------|-----|
| | RM |
| Baki 1 Disember 2017 | 400 |
| Penerimaan | |
| Yuran Ahli | 500 |
| Yuran Masuk | 400 |
| Derma | 220 |
| Pembayaran | |
| Mesin pencetak | 400 |
| Alat tulis | 30 |
| Kadar bayaran | 60 |

Berapakah baki akaun penerimaan dan pembayaran pada 31 Disember 2017?

- A RM490
- B RM630
- C RM1 030
- D RM1 520

14 Maklumat berikut diperolehi daripada Kelab Moana

Akaun Penerimaan dan Pembayaran bagi tahun berakhir 30 Jun 2017

| | RM | | |
|------------------------|-------|-----------------|----------------|
| Yuran | 3 700 | | |
| Maklumat tambahan : | | | |
| | | 1 Julai 2016 | 30 Jun 2017 |
| | | RM | RM |
| Yuran belum diterima | | - | 30 |
| Yuran belum terperoleh | | 60 | 40 |

Berapakah jumlah yuran yang direkodkan dalam Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan bagi tahun berakhir 30 Jun 2017?

- A RM3 700
 - B RM3 750
 - C RM3 710
 - D RM3 830
- 15 Apakah yang dimaksudkan dengan yuran belum diterima akhir?
- A Yuran tahun lepas yang belum diterima
 - B Yuran tahun lepas yang diterima awal
 - C Yuran tahun hadapan yang diterima awal
 - D Yuran tahun semasa yang belum diterima
- 16 Mengapakah penyata pendapatan dan perbelanjaan perlu disediakan?
- A Memperoleh lebihan dan kurangan pengendalian kelab
 - B Mengetahui jumlah pendapatan hasil dan jumlah perbelanjaan
 - C Membuat pelarasan bagi belanja prabayar dan belanja belum bayar
 - D Mengumpul semua hasil dan belanja ke dalam satu penyata.
- 17 Apakah sumber maklumat dalam penyediaan Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan?
- A Buku Tunai
 - B Akaun Perdagangan Kelab
 - C Imbangan Duga
 - D Akaun Penerimaan dan Pembayaran

- 18 Maklumat yang berikut diperolehi daripada Kelab Golf Kinta

| | RM |
|-------------------------------------|--------|
| Inventori restoran 1 Januari 2017 | 7 100 |
| Inventori restoran 31 Disember 2017 | 3 900 |
| 2017 | |
| Jualan | 29 800 |
| Belian | 15 700 |
| Upah pekerja | 1 000 |

Berapakah untung atau rugi restoran bagi kelab tersebut?

- A Untung RM9 900
 B Untung RM11 900
 C Rugi RM9 900
 D Rugi RM11 900
- 19 Jadual dibawah menunjukkan perbezaan antara kelab dan persatuan dengan entiti perniagaan.

| Kelab dan Persatuan | Entiti Perniagaan |
|---|--|
| Lebihan aset daripada liabiliti dikenali sebagai dana terkumpul | Lebihan aset daripada liabiliti dikenali sebagai modal |

Apakah aspek perbezaan yang ditunjukkan dalam jadual di atas?

- A Pendapatan dan Perbelanjaan
 B Penerimaan dan Pembayaran
 C Sumber maklumat
 D Ekuiti Pemilik
20. Maklumat berikut diperolehi daripada Kelab Pencinta Dato' Vida pada 1 Febuari 2018

| | RM |
|----------------------------|--------|
| Yuran belum diterima | 300 |
| Bank | 8 690 |
| Yuran belum terperoleh | 400 |
| Lengkapan | 13 200 |
| Inventori restoran | 1 900 |
| Akaun belum bayar restoran | 2 300 |
| Kadar bayaran belum bayar | 70 |

Berapakah dana terkumpul awal kelab tersebut?

- A RM 21 320
 B RM 22 120
 C RM 26 860
 D RM 8 920

BAHAGIAN B

- 1 Maklumat berikut diperolehi daripada Kelab Muzik Yamaha

Bilangan ahli :150 orang

Yuran bulanan : RM35

Pada 30 Jun 2017 :

6 orang ahli masih belum membayar yuran bagi bulan Jun 2017

18 org yang lain telah membayar yuran bulan Julai 2017

Isikan tempat kosong dengan maklumat diatas:

| Akaun Yuran | | | | | | | |
|-------------|-----------------------------|--|----|---------|----------|--|----|
| 2017 | | | RM | 2017 | | | RM |
| Jun 30 | Pendapatan dan Perbelanjaan | | | Jun 30 | Bank | | |
| | Baki h/b | | | | Baki h/b | | |
| Julai 1 | Baki b/b | | | Julai 1 | Baki b/b | | |

- 2 Suaikan maklumat di bawah dengan maksud yang paling tepat

Yuran tahunan atau bulanan

Yuran tertunggak yang tidak dapat di kutip oleh ahli

Yuran masuk

Yuran akan datang yang diterima pada tahun semasa Perakaunan

Yuran lapuk

Yuran yang dibayar oleh ahli pada setiap tahun atau bulan

Yuran belum terperoleh

Yuran yang dibayar oleh ahli baru semasa pendaftaran

- 3 Kelab Renang Sunway Ipoh mempunyai 200 orang ahli. Setiap ahli dikenakan yuran tahunan sebanyak RM50 seorang. Maklumat yang berikut merupakan Akaun Penerimaan dan Pembayaran Kelab Renang Sunway Ipoh bagi tahun berakhir 31 Disember 2017.

| Akaun Penerimaan dan Pembayaran bagi tahun berakhir 31 Disember 2017 | | | | | |
|--|--------------|---------------|--------|---------------------|---------------|
| 2017 | | | 2017 | | |
| | | RM | | | RM |
| Jan 1 | Baki b/b | 8 200 | Dis 31 | Alatan sukan | 2 500 |
| | Yuran ahli | 4 800 | | Perabot | 1 600 |
| | Yuran | 560 | | Alat tulis | 230 |
| | Pertandingan | | | Hadiah | 450 |
| | Derma | 1 100 | | pertandingan | |
| | | | | Sagu hati jurulatih | 330 |
| | | | | Penyelenggaraan | 420 |
| | | | | gelanggang | |
| | | | | Belanja Am | 360 |
| | | | | Baki h/b | 8 770 |
| | | <u>14 660</u> | | | <u>14 660</u> |

Maklumat tambahan:

- I) Pada 31 Disember 2017, baki inventori alat tulis RM45
- II) Belanja am belum bayar RM120
- III) Derma yang diterima adalah untuk memperbesarkan kolam
- IV) Alatan sukan dan perabot disusutnilaikan 10% setahun atas kos

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan bagi tahun berakhir 31 Disember 2017

- 4 Maklumat berikut telah diambil daripada buku –buku Persatuan Geografi Sekolah Raja Perempuan Ta'ayah pada 31 Mei 2017:

| | RM | | RM |
|------------------------|-------|---------------------------|-------|
| Alatan pejabat | 2 000 | Akaun belum bayar kantin | 800 |
| Lengkapan | 1 500 | Akaun belum terima kantin | 650 |
| Bank | 2 100 | Inventori kantin | 530 |
| Tunai | 150 | Tabung kolam | 1 500 |
| Yuran belum terima | 200 | Lebihan | 560 |
| Yuran belum terperoleh | 1 00 | Belanja belum bayar | 30 |

Anda dikehendaki untuk menyediakan :

- (a) Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Mei 2017 dalam bentuk penyata .

SOALAN MODUL 15 TAMAT

SKEMA JAWAPAN MODUL 15**BAHAGIAN A**

| SOALAN | JAWAPAN | SOALAN | JAWAPAN |
|--------|---------|--------|---------|
| 1 | D | 11 | A |
| 2 | D | 12 | A |
| 3 | C | 13 | C |
| 4 | B | 14 | B |
| 5 | B | 15 | D |
| 6 | A | 16 | A |
| 7 | C | 17 | D |
| 8 | B | 18 | A |
| 9 | B | 19 | D |
| 10 | D | 20 | A |


BAHAGIAN B

1

Akaun Yuran

| 2017 | | RM | 2017 | | RM |
|---------|-----------------------------|--------------|---------|----------|--------------|
| Jun 30 | Pendapatan dan perbelanjaan | 5 250 | Jun 30 | Bank | 5 670 |
| | Baki h/b | 630 | | Baki h/b | 210 |
| | | <u>5 880</u> | | | <u>5 880</u> |
| Julai 1 | Baki b/b | 210 | Julai 1 | Baki b/b | 630 |

2



3 (a)

| Kelab Renang Sunway Ipoh | | | |
|--|---------------|--------------------|---------------|
| Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan bagi tahun berakhir 31 Disember 2017 | | | |
| | RM | | RM |
| Susut nilai alatan sukan (10% x RM2 500) | 250 | Yuran (200 x RM50) | 10 000 |
| Susut nilai perabot (10% x RM1 600) | 160 | Yuran pertandingan | 560 |
| Alat tulis (RM230-RM45) | 185 | | |
| Hadiah pertandingan | 450 | | |
| Sagu hati jurulatih | 330 | | |
| Penyelenggaraan gelanggang | 420 | | |
| Belanja am (RM360+RM120) | 480 | | |
| Lebihan | 8 285 | | |
| | <u>10 560</u> | | <u>10 560</u> |

4 (a)

Persatuan Geografi Sekolah Raja Perempuan Ta'ayah
Penyata Kedudukan Kewangan Pada 31 Mei 2017

| | RM | RM | RM |
|-----------------------------|------|-------|-------|
| Aset Bukan Semasa | | | |
| Alatan Pejabat | | 2 000 | |
| Lengkapan | | 1 500 | |
| | | | 3 500 |
| Aset Semasa | | | |
| Inventori kantin | | 530 | |
| Akaun Belum Terima kantin | | 650 | |
| Bank | | 2 100 | |
| Tunai | | 150 | |
| Yuran belum terima | | 200 | |
| | | 3 630 | |
| (-) Liabiliti Semasa | | | |
| Akaun Belum Bayar kantin | 8 00 | | |
| Yuran belum diperolehi | 100 | | |
| Belanja belum bayar | 30 | | |
| | | 930 | |
| Modal Kerja | | | 2 700 |
| | | | 6 200 |
| Dana Terkumpul | | | |
| Dana terkumpul awal | | | 4 140 |
| (+) lebihan | | 560 | |
| Tabung kolam | | 1 500 | |
| | | | 2 060 |
| Dana terkumpul akhir | | | 6 200 |

SKEMA JAWAPAN MODUL 15 TAMAT